

# Usah Ungkit Kesalahan Anak

Anak-anak adalah permata yang amat berharga. Dialah tallan hayat yang masih ada untuk membantu kita sewaktu di barzakh kelak. Segala pengorbanan dan penat lelah kita membesarkannya ada ganjaran besar di sisi Allah kerana dia adalah tanggungjawab dan amanah Allah untuk dibelai, diberikan kasih sayang dan dididik ke jalan Allah SWT.

**T**adi, sama-sama lah kita menadah tangan mengucapkan syukur atas anugerah Allah yang besar ini. Selayaknya sebagai penjaga amanah, anak-anak ini harus dijaga dengan rapi mengikut panduan yang telah ditetapkan dalam Islam. Mereka mempunyai fitrah diri yang hebat, berharga dan pastikan mereka dapat merasakan kehebatan fitrah anugerah Allah itu dan mengucapkan syukur atas pemberianNya.

Dalam menjalankan tanggungjawab sebagai penjaga amanah Allah, tidak dapat dinafikan pelbagai emosi dapat dirasakan. Saya pasti kita semua pasti mahukan yang terbaik untuk anak-anak. Namun dalam tidak sedar kita terkadang kalah dengan emosi, tambahan pula dalam keadaan zaman yang begitu rencam dan menuntut pengorbanan ibu yang lebih kerana harus bijak membahagikan masa di antara kerjaya dan keluarga.

Sudah tentu sahaja keletihan menjadi antara faktor kita tidak dapat memberikan masa yang berkualiti untuk anak. Selah sahaja dalam keadaan sebegini, masa yang diharapkan oleh anak itulah yang menjadi korban.

Hasilnya, kita cepat marah dan sukar bertoleransi dengan hal-hal kecil yang dilakukan anak. Contohnya, jika anak tertumpah air, perkara itu kecil namun oleh sebab ibu penat, maka perkara sekecil ini boleh mengundang kemarahan ibu yang besar. Apa yang akan terjadi pada anak? Emosinya akan tercalar, persapsirnya tentang kejadian itu menjadi persepsi yang negatif, persapsirnya tentang dirinya juga negatif dan persepsi tentang perhubungan dia dengan ibu juga menjadi negatif. Apatah lagi apabila marah berlarutan, tiada pujukan diterima malah terus diungkit-ungkit di masa dan waktu yang lain. Maka sudah tentu konsep sendiri yang terbentuk dalam minda anak tentang dirinya terus negatif, rajuk hatinya juga terus parah dan dalam tidak sengaja, keperluan emosinya tidak dipenuhi dengan baik.

Situasi sebegini menyebabkan anak merasa kekurangan, tidak yakin diri dan cuba mencari pengganti untuk mengisi kekosongan emosi yang dihadapi sama ada mencari orang yang boleh

memberikan dia keselesaan atau mengisi masanya dengan perkara-perkara lain seperti menonton televisyen atau bermain gadget.

## Pengaruh Tindakan

Hal ini menyebabkan hubungan kekeluargaan menjadi renggang dan komunikasi antara ibu bapa dan anak juga tidak harmoni. Jika perkara ini berlarutan, ibu bapa pasti menghadapi masalah untuk mengikut perkembangan anak dan sukar untuk menegur mereka apatah lagi berkonasi cerita dan memberi nasihat kepada mereka kelak. Perkara ini terjadi kerana anak-anak kurang yakin dengan penerimaan ibu bapa terhadap diri mereka berikutan informasi yang sering dimainkan dalam minda mereka ialah perkara-perkara negatif seperti herdikan, ungkit-mengungkit dan kata-kata negatif yang menyebabkan persepsi mereka terhadap diri sendiri juga amat negatif. Jadi untuk menyelamatkan diri, mereka memilih untuk tidak berkongsi cerita tentang diri mereka dengan ibu bapa.

Bahaya mengungkit ini kerana kebiasaannya perkara yang diungkit oleh ibu bapa kepada anak-anak adalah perkara negatif dan merupakan kesalahan anak. Jika perkara ini sentiasa bermain di bibir ibu bapa, persepsi itulah yang akan ditanam dalam minda anak.

Cuba kita bayangkan ini sahaja input yang sentiasa ada dalam mindanya maka sudah pasti input-input inilah yang akan menjadi perisian dalam program yang menghidupkan perbuatan dan tingkah lakunya. Maka usah bingung jika anak sering mengulang kesalahan yang sama kerana itulah pengisian yang kita sediakan untuk mindanya dan mempengaruhi tindakannya.

Jadi, adakah tidak boleh langsung menegur anak? Jawapannya boleh, namun pilihlah cara yang sesuai dengan umurnya. Jika sekalipun kita tidak mampu mengawal emosi dan ter- marah kepadanya, jangan diblarkan sahaja. Pujuk semula dan terangkan mengapa ibu perlu marah dan cuba sedaya mungkin untuk tidak mengungkit perkara tersebut terutama apabila anak berada di khalayak yang dikenali. Ialah air mukanya kerana dia adalah permata berharga kita. Wallahuaklam. **AW**



**NURUL ASIAH FASEHAH  
MUHAMMAD,**

Pensyarah Universiti  
Zetris Islam Malaysia  
E-mail:  
nurulasiah@zahirah@uzsm.edu.my